




MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



# LAPORAN PEPERIKSAAN STPM & MUET 2021

## Sains Sukan (966)



# KANDUNGAN

Sains Sukan (966/1) .....	<b>1 – 3</b>
Sains Sukan (966/2) .....	<b>5 – 7</b>
Sains Sukan (966/3) .....	<b>9 – 12</b>

# SAINS SUKAN (966/1)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 3 452 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 70.94% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	5.07	8.26	9.50	17.90	9.99	10.31	9.91	9.36	10.14	4.49	5.07

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Mutu kertas soalan Sains Sukan Semester 1 STPM 2021 yang telah dijawab oleh calon STPM pada tahun ini didapati secara relatifnya agak mudah dan sewajarnya boleh dijawab dengan baik oleh setiap calon. Aras kesukaran kertas soalan ini bersesuaian dengan calon Semester 1 berdasarkan sukatan pelajaran peperiksaan. Soalan struktur yang dikemukakan adalah seimbang iaitu mempunyai tiga bentuk aras berfikir iaitu aras rendah, sederhana, dan sederhana tinggi. Bagi soalan bahagian B (esei) pula, soalan yang dikemukakan merupakan soalan yang berteraskan skop sukatan pelajaran peperiksaan yang dipelajari.

### *Komen soalan demi soalan*

## BAHAGIAN A: Struktur

### Soalan 1

Soalan bahagian (a) menghendaki calon untuk menyatakan kepentingan penyertaan sukan kepada integrasi kaum. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan dengan baik dalam bahagian ini.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyatakan kesan dominasi kaum dalam sukan. Soalan ini di tahap mudah dan jelas dan kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik.

### Soalan 2

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan kepentingan dalam mewujudkan inventori bagi peralatan sukan. Soalan bahagian ini pada tahap sederhana dan menguji pengetahuan calon pada tahap pertengahan. Kebanyakan calon boleh menjawab soalan dengan baik dalam bahagian ini.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon memerihalkan dua penyelenggaraan yang dilakukan untuk menyelenggara peralatan sukan di sekolah. Soalan bahagian ini pada tahap sederhana, tetapi memerlukan calon mengetahui tentang kaedah penyelenggaraan.

### Soalan 3

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menamakan pihak yang bertanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan untuk aktiviti kesenggangan dan rekreasi. Soalan ini merupakan soalan pada tahap sederhana tinggi yang memerlukan calon menamakan pihak yang bertanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan untuk aktiviti kesenggangan dan rekreasi. Kebanyakan calon boleh menjawab soalan dengan baik dalam bahagian ini.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menjelaskan faedah menjalankan aktiviti kesenggangan dan rekreasi yang boleh memantapkan kesihatan mental. Soalan ini merupakan soalan pada tahap sederhana tinggi bagi calon kerana perlu memahami kehendak soalan dan aplikasi perlakuan yang aspek rekreasi dan pengaruhnya mental individu. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan dalam bahagian ini.

### Soalan 4

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan organ yang terlibat dalam pencernaan karbohidrat kompleks dan karbohidrat ringkas. Soalan ini di tahap sederhana tetapi kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik dan tepat.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon memberikan situasi yang terjadi kepada makanan yang tercerna di usus kecil. Soalan ini juga pada aras sederhana yang menguji pengetahuan calon tentang proses pencernaan. Walaupun begitu, kebanyakan calon gagal menjawab dengan baik dalam bahagian ini.

## BAHAGIAN B: Esei

### Soalan 5

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan maksud polarisasi dalam konteks sosiologi sukan. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik soalan dalam bahagian ini.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menjelaskan faktor yang menyebabkan sesuatu sukan didominasi oleh kaum tertentu. Soalan ini merupakan soalan aras kesukaran yang rendah. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik soalan dalam bahagian ini.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menjelaskan pendekatan untuk mengurangkan dominasi kaum. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik soalan dalam bahagian ini.

### Soalan 6

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menghitung jumlah perlawanan bagi kejohanan hoki liga satu pusingan dengan menggunakan rumus yang tepat. Soalan ini adalah pada tahap sederhana dan calon boleh menjawab dengan baik. Calon hanya perlu mengetahui rumus perlawanan liga untuk menjawab soalan dalam bahagian ini.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyatakan faktor bagi pemilihan liga satu pusingan dalam kejohanan hoki itu. Soalan ini adalah pada tahap sederhana dan kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik soalan dalam bahagian ini.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menjelaskan kelebihan sistem liga satu kumpulan. Bagi soalan ini kebanyakan calon berjaya memberikan jawapan yang baik jika mereka memahami soalan di bahagian (b). Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik soalan dalam bahagian ini.

## Soalan 7

Soalan bahagian (a) menghendaki calon mentakrifkan hipohidrasi. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik soalan dalam bahagian ini.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menjelaskan punca hipohidrasi dari aspek fisiologi. Soalan ini pada tahap sederhana tinggi tetapi belum mencapai pada tahap sukar. Calon berkemungkinan tidak dapat memahami kehendak aspek fisiologi dan punca hipohidrasi. Ini menyebabkan kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menjelaskan perkaitan antara dehidrasi dengan cuaca panas terik apabila seorang atlet memasuki acara 4 x 400 meter di sekolahnya. Kebanyakan calon tidak dapat membuat perkaitan antara dehidrasi dan cuaca panas serta kesannya kepada atlet tersebut.

# SAINS SUKAN (966/2)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 3 391 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 59.81% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	3.77	5.69	9.38	13.01	11.18	5.19	11.59	5.93	10.68	4.90	18.70

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Secara keseluruhannya aras kesukaran soalan adalah sesuai dengan peringkat pengajian calon. Soalan meliputi aras kemahiran berfikir aras rendah, sederhana, dan tinggi. Pada bahagian A, secara keseluruhan mutu jawapan adalah pada aras sederhana. Bagi soalan yang menguji domain mengingat, kebanyakan calon tidak mempunyai masalah untuk memberikan jawapan yang tepat. Walau bagaimanapun, bagi soalan yang berkaitan dengan domain memahami, mengaplikasi, dan menganalisis, kebanyakan calon gagal memberikan jawapan yang tepat dengan kehendak soalan.

### *Komen soalan demi soalan*

## BAHAGIAN A: Struktur

### Soalan 1

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menamakan jenis regangan yang terlibat dalam senaman duduk melunjur. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik soalan dalam bahagian ini. Terdapat juga calon yang tidak menamakan senaman yang ditunjukkan dalam gambar rajah.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyatakan kepentingan senaman duduk melunjur. Kebanyakan calon gagal memberikan jawapan yang tepat seperti mengelakkan kecederaan.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menyatakan frekuensi dan tempoh regangan bagi senaman duduk melunjur untuk meningkatkan prestasi atlet. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik soalan dalam bahagian ini. Terdapat juga calon yang memberikan jawapan yang salah iaitu menggunakan minit sebagai unit masa selain daripada memberikan tempoh yang lebih lama.

Soalan bahagian (d) menghendaki calon menyatakan senaman regangan yang lain selain daripada senaman duduk melunjur. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik soalan dalam bahagian ini.

### Soalan 2

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan latihan untuk meningkatkan tahap ketangkasan menukar arah anggota badan yang boleh dilakukan oleh pemain bola keranjang. Kebanyakan calon tidak dapat membezakan antara latihan dan ujian.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyatakan ujian yang boleh dilakukan oleh jurulatih untuk menguji tahap ketangkasan pemain bola keranjang. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik soalan dalam bahagian ini. Terdapat juga calon yang gagal menamakan ujian dengan lengkap.

### Soalan 3

Soalan bahagian (a)(i) menghendaki calon menamakan tulang *W* dan tulang *X*. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik soalan dalam bahagian ini. Terdapat calon yang tidak menggunakan istilah saintifik tulang itu. Ini menyebabkan calon hilang markah.

Soalan bahagian (a)(ii) menghendaki calon menamakan klasifikasi tulang *Y* dan tulang *Z*. Kebanyakan calon hanya dapat menjawab klasifikasi tulang *Y* tetapi gagal memberikan jawapan pada klasifikasi tulang *Z*.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyatakan keperluan asas untuk tumbesaran tulang yang sihat. Kebanyakan calon hanya memberikan jawapan yang umum sahaja seperti makanan, mineral, senaman, dan hormon.

### Soalan 4

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menamakan otot pada *P* dan otot pada *Q*. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik soalan dalam bahagian ini.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyatakan kekerapan, intensiti, ulangan, dan set yang perlu dilakukan oleh atlet untuk membina daya tahan otot. Kebanyakan calon gagal menjawab soalan dalam bahagian ini. Kebanyakan calon tidak menyatakan 1RM dan memberikan dos latihan untuk membina kekuatan otot.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menyatakan penyelesaian yang boleh berlalu kepada otot hasil daripada melakukan senaman huluran kekucing. Kebanyakan calon gagal menjawab dengan baik soalan dalam bahagian ini.

## BAHAGIAN B: Esei

### Soalan 5

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan garis panduan untuk melakukan latihan pliometrik. Kebanyakan calon gagal menjawab dengan baik soalan dalam bahagian ini kerana calon menjawab langkah melakukan latihan pliometrik bukannya garis panduan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyatakan langkah keselamatan semasa melakukan latihan pliometrik. Kebanyakan calon gagal menjawab dengan baik soalan dalam bahagian ini kerana calon melakukan pengulangan jawapan yang sama.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menyatakan kepentingan kuasa yang diperoleh atlet apabila melakukan pliometrik. Kebanyakan calon gagal menjawab dengan baik soalan dalam bahagian ini kerana calon melakukan pengulangan jawapan yang sama. Jawapan calon juga umum seperti meningkatkan kekuatan dan kepantasan tanpa menyatakan otot dan mengurangkan kecederaan bukannya mengurangkan risiko kecederaan.

### Soalan 6

Soalan bahagian (a)(i) menghendaki calon menyatakan organ yang terlibat dalam penghasilan urin. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik soalan dalam bahagian ini. Terdapat juga calon keliru antara organ sistem urinari dan organ sistem reproduktif.

Soalan bahagian (a)(ii) menghendaki calon memerihalkan fungsi ginjal, ureter, uretra, dan pundi kencing. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik soalan dalam bahagian ini. Terdapat juga calon yang bertukar fungsi bagi organ yang dinyatakan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyatakan perubahan pada urin akibat daripada atlet tidak minum air yang banyak sepanjang mengambil bahagian dalam acara sukan semasa panas terik. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik soalan dalam bahagian ini.

## **Soalan 7**

Soalan bahagian (a)(i) menghendaki calon menamakan jenis sel dalam tubuh yang terlibat ketika melakukan aktiviti senaman. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik soalan dalam bahagian ini.

Soalan bahagian (a)(ii) menghendaki calon menyatakan fungsi bagi sel otot, sel darah merah, sel saraf, dan sel tulang. Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik soalan dalam bahagian ini. Terdapat juga calon menyatakan fungsi organ sebagai fungsi sel.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menjelaskan jenis tisu asas dalam tubuh. Tisu penghubung mengukuhkan struktur tubuh, tisu otot boleh menguncup serta menghasilkan pergerakan, tisu saraf dapat menerima rangsangan deria seperti sakit, panas, sejuk, sentuhan, dan tekanan. Kebanyakan calon dapat menyatakan jenis tisu yang dikehendaki soalan. Terdapat calon yang keliru antara tisu dan organ yang mengandungi tisu tersebut.



# SAINS SUKAN (966/3)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 3 361 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 81.30% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	16.10	14.56	16.60	17.14	7.23	6.66	3.01	2.53	2.77	2.38	11.04

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Pada keseluruhannya, mutu kertas soalan ini adalah baik dan merangkumi semua topik dalam sukatan peperiksaan. Soalan yang dikemukakan dapat menguji kemahiran berfikir pada aras tinggi bersesuaian dengan tahap calon. Secara keseluruhan aras kesukaran soalan adalah berperingkat. Susunan soalan adalah mengikut aras kesukaran dan ini bertepatan dalam menguji kemahiran menganalisis di peringkat STPM. Soalan-soalan yang dikemukakan boleh ditafsir dan dianalisa oleh calon, namun kefahaman calon dalam mentafsir yang agak lemah menyebabkan mutu persembahan jawapan agak lemah. Penggunaan bahasa dan istilah dalam kertas soalan adalah bahasa mudah difahami tidak terlalu sukar untuk dianalisa. Penggunaan bahasa memenuhi standard soalan diperingkat STPM iaitu ringkas dan padat. Istilah-istilah yang digunakan pula mudah difahami oleh calon. Tiada istilah yang susah dan sukar dalam kertas soalan yang memerlukan calon menganalisis untuk memahami maksudnya. Secara keseluruhan mutu jawapan calon diperingkat sederhana. Kelemahan calon yang paling nyata pada soalan Bahagian A, ialah soalan 1a, 1b, 2a, 3a, dan 4b dimana hampir semua calon gagal menjawab soalan tersebut dengan baik. Calon gagal mentafsir dengan tepat. Manakala bagi soalan bahagian B pula, sebahagian markah calon agak lemah terutama calon yang menjawab soalan 5 dan soalan 6. Dari segi perancangan, calon kurang membuat perancangan yang rapi untuk menghadapi peperiksaan dan ini dibuktikan dengan mutu jawapan yang calon yang agak lemah. Dari segi kekuatan, calon mampu memahami dan menganalisis soalan terutama soalan 2b, 2c, 3b, 3c, dan soalan 4a di bahagian A dan soalan 7 di bahagian B. Sebahagian calon mempunyai kekuatan untuk menganalisis soalan secara terperinci dan mampu mengemukakan idea-idea sebagaimana yang dikehendaki.

### *Komen soalan demi soalan*

## BAHAGIAN A: Struktur

### Soalan 1

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memerihalkan empat etika kejurulatihan mengikut ciri-ciri kejurulatihan seperti yang dinyatakan dalam jadual yang disediakan. Bagi soalan 1(a), calon cenderung untuk mengulang kata kunci yang diberi pada soalan dan tidak memerihalkan ciri etika yang ditanya.

Soalan bahagian (b), calon cenderung menjawab lakuan selepas mendengar atau menyatakan cara mengendalikan masalah atlet seperti memberi nasihat, memberi maklumbalas dan lain-lain. Calon tidak menjawab kehendak kata kunci soalan iaitu pendengar yang baik. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab dengan baik soalan dalam bahagian ini.

## Soalan 2

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memberikan maksud ahli psikologi sukan. Soalan ini mempunyai jawapan yang sangat meluas. Contohnya, jika calon menjawab ahli psikologi merupakan 'seorang yang berkelayakan didalam bidang psikologi sukan' walaupun tidak mengikut skema, ianya bukan jawapan yang salah cuma segelintir calon yang dapat memberikan jawapan seperti yang diminta.

Soalan bahagian (b)(i) menghendaki calon menyatakan tiga peranan yang diwakili oleh P, Q, dan R mengikut carta yang disediakan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan dengan betul.

Soalan bahagian (b)(ii) menghendaki calon untuk memerihalkan satu tanggungjawab mengikut setiap peranan yang dinyatakan pada 2(b)(i). Soalan 2(b)(i) dan 2(b)(ii) merupakan soalan berangkai, dimana antara kesilapan calon adalah memberi jawapan yang salah pada soalan 2(b)(i) yang menyebabkan pelajar hilang markah pada soalan 2(b)(ii). Selain itu terdapat jawapan yang betul pada jawapan 2(b)(i) namun calon meletakkan jawapan yang tidak selari dengan peranan yang dinyatakan (bertukar-tukar dengan antara satu peranan dengan peranan lain) yang menyebabkan calon kehilangan markah.

## Soalan 3

Soalan bahagian (a) menghendaki calon untuk memberi maksud pembelajaran motor. Kebanyakan calon gagal untuk memberi jawapan yang sepatutnya cuma segelintir kecil calon yang dapat memberikan jawapan mengikut skema yang ditetapkan. Penguasaan calon untuk topik ini adalah lemah.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon untuk mengenalpasti Model X seperti dalam rajah yang diberi. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan dengan betul (kesalahan ejaan). Mereka terlupa tulis huruf 's' pada nama Fitts. Oleh kerana ia merupakan istilah dan nama khas, maka jawapan calon tidak dapat diterima.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon untuk menyatakan tiga tahap pembelajaran mengikut ciri yang dinyatakan pada carta mengikut R,S, dan T. Kelemahan utama calon adalah kegagalan untuk mengeja terma dengan tepat (Kognitif, Assosiatif, Autonomi dan lain-lain) yang menyebabkan mereka kehilangan markah.

## Soalan 4

Soalan bahagian (a) menghendaki calon untuk menyatakan lima kaedah penilaian primer yang perlu dilakukan kepada pemain bola keranjang yang pengsan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon untuk menyatakan prosedur rawatan yang perlu diberikan kepada pemain itu. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon kehilangan markah bila tidak dapat menyatakan prosedur rawatan dengan urutan yang betul.

## BAHAGIAN B: Esei

### Soalan 5

Soalan bahagian (a) menghendaki calon untuk memerihalkan tiga faktor yang perlu dipertimbangkan semasa merangka program latihan. Terdapat calon yang berjaya memberikan sekurang-kurangnya satu jawapan berkait dalam merangka program latihan dan jawapan tersebut majoriti berkaitan

dengan kemudahan peralatan. Huraian yang diberikan oleh calon turut menepati fakta yang diberikan. Kelemahan calon bagi soalan ini ialah menjadikan huraian sebagai fakta dan majoriti fakta yang salah tersebut merupakan huraian bagi fakta kesediaan atlet menyebabkan calon kehilangan semua markah bagi soalan ini.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon untuk memerihalkan tiga kepentingan persediaan umum dalam fasa periodisasi latihan. Kekuatan calon pada soalan ini ialah majoriti calon dapat memberikan sekurang-kurangnya satu fakta yang tepat iaitu kecergasan fizikal. Calon yang mempunyai penguasaan mengenai program latihan seharusnya dapat memberikan kepentingan persediaan umum seperti untuk kecergasan fizikal dan menguasai kemahiran asas. Kelemahan calon bagi soalan ini ialah memberikan fakta yang salah atau meletakkan huraian sebagai fakta seperti meletakkan daya tahan kardiovaskular atau daya tahan otot sebagai fakta.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon untuk menyatakan tiga sebab fasa transisi perlu dimasukkan dalam program latihan atlet. Majoriti calon boleh memberikan jawapan seperti rehat aktif dan pulih dari kecederaan. Kelemahan calon bagi soalan ini ialah memberikan jawapan yang salah atau tidak lengkap seperti atlet boleh berehat atau merehatkan otot menunjukkan calon tidak memahami konsep fasa transisi atau tidak berupaya menterjemahkan idea kepada bentuk penulisan walaupun mempunyai pemahaman. Cuma sebahagian kecil calon sahaja memilih untuk menjawab soalan 5. Calon yang baik dapat memberikan jawapan yang tepat dengan perancangan jawapan dengan baik. Bagi calon yang lemah, calon tidak dapat membezakan kehendak soalan di 5(a) dan 5(b). Calon yang lemah juga tidak dapat merancang jawapan dengan baik seperti tidak memberikan fakta yang tepat untuk huraian dan mengulang huraian untuk fakta yang sama.

## Soalan 6

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memberi maksud motivasi ekstrinsik. Kekuatan calon pada item soalan ini ialah mengingat maksud motivasi ekstrinsik dan memahami konsep motivasi ekstrinsik dengan calon seharusnya boleh memberikan jawapan dengan betul. Kelemahan calon bagi soalan ini ialah calon memahami konsep motivasi ekstrinsik tetapi calon tidak dapat memberikan jawapan seperti yang dikehendaki.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon untuk memerihalkan tiga jenis ganjaran ekstrinsik yang dapat menggalakkan penglibatan murid dalam sukan di peringkat sekolah. Kekuatan calon pada soalan ini ialah berjaya menyatakan sekurang-kurangnya satu fakta yang tepat seperti bantuan kewangan menunjukkan calon memahami jenis-jenis motivasi ekstrinsik. Kelemahan calon bagi soalan ini ialah meletakkan huraian sebagai fakta seperti sijil atau hadiah diletakkan sebagai fakta. Selain itu mengulang ayat fakta sebagai huraian menyebabkan calon kehilangan markah.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon untuk menyatakan tiga jenis ganjaran intrinsik yang boleh diberikan kepada atlet oleh seorang jurulatih. Jawapan yang dikehendaki adalah keseronokan, belajar perkara baru, meningkatkan prestasi, dan kepuasan hati. Hanya sebahagian calon sahaja yang berjaya menterjemahkan kehendak soalan iaitu ganjaran intrinsik yang boleh diberikan jurulatih ialah ganjaran yang bersifat dalaman. Kelemahan calon bagi soalan ini iaitu majoriti calon memberikan jawapan seperti kata pujian atau semangat walhal jawapan-jawapan tersebut merujuk kepada ganjaran ekstrinsik.

Soalan bahagian (d) menghendaki calon untuk menyatakan jenis motivasi yang sesuai diberikan kepada atlet berpersonaliti ekstrovert dan penjelasan terhadap jawapan mereka. Kekuatan calon bagi soalan ini adalah mereka boleh memberikan jenis motivasi dengan sekurang – kurangnya dua isi sebagai penjelasan. Calon boleh memberikan penjelasan yang menjurus kepada atlet ekstrovert dengan motivasi ekstrinsik. Kelemahan calon bagi soalan ini yang paling ketara ialah memberikan jawapan motivasi intrinsik yang menyebabkan tiada markah bagi fakta dan huraian atau penjelasan yang diberikan.

## Soalan 7

Soalan bahagian (a) menghendaki calon untuk memerihalkan tiga faktor ekstrinsik yang boleh menyebabkan kecederaan semasa bersukan. Kekuatan calon pada soalan ini ialah calon boleh memberikan faktor ekstrinsik dengan baik menunjukkan calon memahami kecederaan yang disebabkan oleh faktor luaran. Majoriti calon mendapat markah penuh bagi soalan ini. Kelemahan calon bagi soalan ini ialah terdapat calon yang memberikan huraian yang salah bagi beberapa fakta seperti fakta pakaian tetapi huraian yang diberikan ialah pakaian terlalu ketat. Calon kehilangan markah bagi fakta tersebut.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon untuk memerihalkan dua faktor intrinsik yang boleh menyebabkan kecederaan semasa bermain boling. Kekuatan calon pada soalan ini ialah calon berjaya memberikan jawapan yang berbeza antara soalan 7(a) dan soalan 7(b) menunjukkan calon memahami perbezaan antara faktor intrinsik dan ekstrinsik. Kelemahan calon pada soalan ini ialah memberikan jawapan yang sama seperti soalan 7(a) menyebabkan calon kehilangan markah.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon untuk menyatakan lima cara mengurangkan risiko kecederaan semasa bersukan. Kekuatan calon pada soalan ini ialah mempunyai pengetahuan atau pengalaman mengenai cara mengurangkan risiko kecederaan serta berjaya mengaitkan jawapan soalan 7(c) dengan jawapan soalan 7(a) dan 7(b). Majoriti calon berjaya mendapat markah tinggi bagi soalan ini. Kelemahan calon bagi soalan ini ialah memberikan jawapan yang tidak berkaitan dengan mengurangkan risiko kecederaan semasa bersukan seperti melakukan gerak kendur yang kebiasaannya dilakukan selepas bersukan menunjukkan calon tidak membaca kehendak soalan dengan baik.

# LAPORAN PEPERIKSAAN STPM & MUET 2021



**SASBADI SDN. BHD.** 198501006847

(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad 201201038178)

Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,  
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6145 1188 Faks: +603-6145 1199

Laman web: [www.sasbadisb.com](http://www.sasbadisb.com) E-mel: [enquiry@sasbadi.com](mailto:enquiry@sasbadi.com)



**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6126 1600 Faks: +603-6136 1488

Laman web: [www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my) E-mel: [ppa@mpm.edu.my](mailto:ppa@mpm.edu.my)